

Bantuan rumah rosak, tanaman musnah akibat banjir diumumkan Isnin

Oleh NAZRULLAH ROSLI

UM 26/1

RAUB 25 Jan. - Kerajaan akan membuat keputusan penting berhubung jumlah wang ihsan yang akan diberi kepada mangsa banjir di beberapa negeri yang mengalami kerosakan atau kehilangan rumah akibat bencana itu baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan juga akan mengu-

mumkan bantuan kepada mangsa banjir yang mengalami kerugian akibat kematian ternakan dan kerosakan tanaman.

Menurut beliau, keputusan tersebut akan dibuat pada Mesyuarat Jawatankuasa Banjir Pusat yang dipengerusikan sendiri oleh beliau pada Isnin ini bagi menentukan kaedah pemberian wang ihsan kepada mangsa-mangsa banjir.

"Kita akan buat beberapa keputusan penting berhubung de-

ngan jumlah dan kaedah wang ihsan yang hendak kita berikan termasuk kepada mereka yang kehilangan rumah, rumah rosak sama sekali, rumah rosak dengan serius.

"Keputusan itu turut melibatkan dari segi tanaman dan ternakan yang terkorban sewaktu banjir," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra bersama Persatuan Ibu Bapa

dan Guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Cheroh di sini, hari ini.

Sekolah itu terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Batu Talam di sini yang akan menghadapi pilihan raya kecil, Ahad ini.

Dalam banjir terburuk yang melanda Johor sebanyak dua kali baru-baru ini, seramai 109,000 mangsa terpaksa dipindahkan ke

Bantuan rumah rosak, tanaman musnah akibat banjir diumumkan Isnin

pusat-pusat penempatan sementara di 340 buah pusat pemindahan di seluruh negeri itu.

Ada pihak menganggarkan jumlah kerugian yang dialami mangsa banjir di negeri itu ialah sebanyak RM500 juta membabitkan kerosakan harta benda, tanaman dan kematian ternakan.

Mengenai bantuan kepada mangsa banjir, Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara memberitahu, peruntukan itu akan diputuskan selepas mesyuarat tersebut.

Kerajaan sebelum ini bersetuju memberi

^{UM 26/1}
bantuan kewangan sebanyak RM500 kepada keluarga mangsa banjir yang berdaftar selain bantuan tambahan RM200.

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) semalam meramalkan beberapa kawasan rendah di Johor mungkin dilanda banjir sekali lagi berikutan hujan berterusan sehingga Ahad ini.

Ketua Penolong Pengarah Pusat Ramalan JMM, Muhammad Helmi Abdullah berkata, hujan lebat luar biasa kali ketiga itu diramalkan turun di selatan Pahang mulai esok.

Ditanya kemungkinan berlaku banjir kali ketiga berikutan amaran JMM bahawa hujan berlarutan di Johor, Selangor dan selatan Pahang, Timbalan Perdana Menteri berkata, seluruh jentera banjir di negeri-negeri terbabit telah berpengalaman menghadapi banjir.

"Kita sudah ada pengalaman berdepan dengan banjir sebanyak dua kali di Johor. Sebelum berlaku kemungkinan banjir kali ketiga, kita kena beri amaran kepada orang ramai agar menyelamatkan diri dan harta benda mereka," kata Najib.

Bagaimanapun, Najib berkata, kemungkinan banjir itu tidak semestinya menjadi kenyataan.

"Pihak berkuasa bagaimanapun perlu bersiap sedia dan memberi amaran awal kepada orang ramai mengenai kemungkinan banjir. Kalau kita tidak beri amaran, nanti orang ramai akan berada dalam keadaan cemas.

"Amaran itu akan membolehkan orang ramai membuat persiapan menyelamatkan diri, keluarga dan harta benda mereka," kata beliau.